

Russia minat wujudkan universiti aeroangkasa

Pelaburan dalam sektor pendidikan negara galak pemindahan teknologi



Russia menunjukkan minat menubuhkan sebuah universiti aeroangkasa di Malaysia.

Perdana Menteri, Tun Dr Mahathir Mohamad, berkata Malaysia kini menjadi hab pendidikan di rantau Asia Tenggara dan Russia dialu-alukan untuk melabur dalam sektor pendidikan negara.

"Kita amat berminat dalam bidang kejuruteraan dan aeroangkasa. Saya yakin cadangan penubuhan universiti aeroangkasa oleh Russia bukan sahaja akan meningkatkan pelaburan, malah menggalakkan pemindahan teknologi dalam bidang berkenaan.

"Saya percaya kita juga boleh menimba pengetahuan dan pengalaman yang dimiliki Russia dalam bidang itu," katanya ketika berucap pada sesi pleno sempena Forum Ekonomi Timur (EEF) Russia 2019 di sini, semalam.

Sesi pleno itu disertai Presiden Russia, Vladimir Putin; Perdana Menteri Jepun, Shinzo Abe; Per-

dana Menteri India, Narendra Modi dan Presiden Mongolia, Khaltmaagiin Battulga.

Malaysia ketika ini mempunyai lebih 150,000 pelajar asing yang melanjutkan pelajaran dalam pelbagai bidang.

Dr Mahathir berkata, wilayah Vladivostok yang kali pertama dilawatinya mempunyai potensi menarik pelaburan Malaysia, khususnya dalam bidang pelancongan.

EEF diilhamkan Putin pada 2015 untuk membangunkan Timur Jauh Russia yang ketinggalan sebelum ini.

Perdana Menteri juga memberitahu Malaysia yang terletak di tengah-tengah laluan Asia juga sesuai untuk pelabur Russia meneroka Asia Tenggara.

Terdahulu, di luar EEF, Perdana Menteri mengadakan pertemuan dua hala dengan Putin dan Modi secara berasingan.

Pada pertemuan dengan Putin, kedua-dua pemimpin bersetuju meneroka peluang pelaburan di kedua-dua negara.

Putin bersetuju berkongsi pengalaman dan pengetahuan negaranya dalam bidang kejuruteraan, perkapalan dan teknologi aeroangkasa.

Dr Mahathir pula berkata, Malaysia berminat mendapatkan akses teknologi Russia, termasuk in-



Dr Mahathir berbincang dengan Putin selepas sesi pleno sempena EEF Russia 2019 di Vladivostok, Russia, semalam. (Foto BERNAMA)

dustri angkasa lepas.

Putin pula dalam kenyataan balasnya menyifatkan Malaysia sebagai rakan utama Russia di Asia.

Pada pertemuan dengan Modi, difahamkan kedua-dua pemimpin menyentuh pelbagai isu bilateral, termasuk mengenai pendakwah bebas, Dr Zakir Naik, namun tiada butiran diperolehi media.

Dr Zakir berhadapan tuduhan mengikut pengubahan wang haram di negara asalnya.

Malaysia sebelum ini memutuskan Dr Zakir yang memiliki taraf pemastautin tetap di Malaysia tidak dihantar ke India berikutan

"Saya percaya kita juga boleh menimba pengetahuan dan pengalaman yang dimiliki Russia dalam bidang itu."

Dr Mahathir Mohamad, Perdana Menteri

ada ancaman bunuh.

Sementara itu, Dr Mahathir berlepas ke Kyoto, Jepun untuk lawatan kerja tiga hari.

Pada lawatan itu, Perdana Menteri dijadualkan menerima anugerah Doktor Falsafah Kehormat dari universiti swasta terkemuka di Kyoto, Doshisha University

Dr Mahathir juga akan melawat Sekolah Rendah Ritsumeikan yang menitikberatkan penerapan nilai kreativiti saintifik dan budaya tradisional Jepun dalam kurikulumnya, selain melawat dua syarikat terkemuka di Kyoto, iaitu Shimadzu Corporation dan TOWA Corp.